



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA
PROJEK HUMAN RESOURCE MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM
(HRMIS)
ARAS DUA, BLOK A
KOMPLEKS JPA
JALAN TUN ISMAIL
50510 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2995836
Fax: 03-2940689

Rujukan Kami: JPA(HMS)(S)146/6/5 Klt.2 (2)
Rujukan Tuan:
Tarikh: 17 SEPTEMBER 1999

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan

Ketua-Ketua Badan Berkanun Persekutuan

Y. B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Jabatan Negeri

Ketua-Ketua Badan Berkanun Negeri

Pihak-Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**Pelaksanaan Projek Perintis Kerajaan Elektronik
Di Bawah Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia –
Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia atau
*Human Resource Management Information System (HRMIS)***

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sebagaimana yang Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan telah sedia maklum, tujuh aplikasi perdana telah dikenalpasti sebagai pemangkin pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan salah satunya ialah aplikasi perdana **Kerajaan Elektronik** yang sedang giat dibangunkan pada masa kini.

3. Kerajaan Elektronik adalah merupakan usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan jentera pentadbirannya melalui penggunaan teknologi maklumat dan kecanggihan multimedia. Liputannya merangkumi perkhidmatan antara kerajaan dengan anggota masyarakat dan sektor swasta serta komunikasi di kalangan agensi dan sesama anggota kerajaan. Sebagai permulaan, lima projek perintis telah dikenalpasti untuk dibangun dan dilaksanakan. Salah satu projek perintis tersebut ialah Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia atau *Human Resource Management Information System* (HRMIS) dan agensi pelaksana utamanya ialah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Objektif dan Faedah HRMIS

4. Pada 1 April 1999, perjanjian kontrak HRMIS telah ditandatangani di antara pihak Kerajaan Malaysia dan konsortium yang dipilih iaitu MRCB Multimedia Consortium Sdn. Bhd (MMCSB) bagi membangun, melaksana dan menyelenggara projek tersebut. Projek HRMIS ini bertujuan menyediakan satu antaramuka atau *single interface* untuk semua agensi kerajaan melaksanakan tugas-tugas pengurusan sumber manusia dengan lebih cekap dan berkesan dalam sebuah persekitaran yang bersepadu. **Objektif HRMIS** adalah seperti berikut:-

- (i) untuk membolehkan perancangan tenaga kerja dan penentuan saiz perkhidmatan awam yang berkesan melalui maklumat pengurusan sumber manusia;
- (ii) untuk mengautomatiskan proses-proses operasi pengurusan sumber manusia;
- (iii) untuk membangunkan maklumat sumber manusia yang bersepadu dan kemaskini untuk tujuan perancangan sumber manusia yang berkesan;
- (iv) untuk memudahkan komunikasi dan integrasi secara horizontal, penyelarasan proses-proses sumber manusia dan capaian melalui *single window*;
- (v) untuk menyumbang ke arah pengwujudan persekitaran *paper-less*
- (vi) untuk menyediakan satu sistem maklumat sumber manusia yang terbuka dan fleksibel serta kemaskini bagi memenuhi keperluan pengurusan di pelbagai peringkat agensi.

5. Dengan wujudnya HRMIS, pengurusan sumber manusia sektor awam dijangka dapat diurus dengan lebih sempurna. Lain-lain faedah daripada pelaksanaan HRMIS adalah seperti berikut:-

- (i) Aktiviti-aktiviti sumber manusia akan dapat dijalankan dengan lebih mudah dan ringkas dengan adanya kemudahan sistem maklumat sumber manusia yang "*real-time*" dan "*on-line*".
- (ii) Polisi dan prosedur sumber manusia yang seragam serta penyatuan maklumat sumber manusia di dalam bank data berpusat akan memudahkan penggunaan sistem ini oleh semua agensi.
- (iii) Produktiviti akan dapat ditingkatkan melalui pemprosesan yang lebih pantas, persekitaran tempat kerja yang baik, pengurangan kesilapan dan kerja-kerja bertindih, pengendalian sistem yang lebih mudah serta automasi aktiviti-aktiviti tertentu.
- (iv) Sistem maklumat sumber manusia yang bersepadu membolehkan perkongsian-maklumat yang tepat serta cepat dan komunikasi yang lebih baik di antara agensi-agensi terbabit.
- (v) Aktiviti-aktiviti sumber manusia yang kurang produktif dapat dikurangkan dan lebih banyak tumpuan dapat diberikan kepada kerja-kerja yang lebih produktif seperti menganalisa dan merancang sesuatu kerja yang seterusnya dapat memperbaiki lagi proses membuat keputusan, pelaksanaan dan pemantauan.

Skop Aplikasi

6. Pembangunan aplikasi HRMIS meliputi dua fungsi utama iaitu fungsi operasi dan fungsi pengurusan. Fungsi operasi merangkumi semua agensi pengurusan sumber manusia bermula dari perancangan sumber manusia sehingga persaraan. Fungsi pengurusan pula meliputi aspek-aspek perancangan sumber manusia, pembangunan organisasi, skim perkhidmatan, persaraan dan faedah persaraan, hal-hal perkhidmatan, latihan, pembangunan kerjaya dan hubungan pengurusan dengan pekerja.

7. Pelaksanaan HRMIS juga bertujuan membantu dalam mengendalikan urusan operasi yang berkaitan dengan kebajikan anggota perkhidmatan awam seperti pemprosesan gaji, cuti, pinjaman, pengisytiharan harta, pentadbiran perubatan, disiplin serta bimbingan kerjaya.

8. Dengan penggunaan HRMIS, adalah juga diharapkan perkhidmatan awam dapat menuju ke arah *paperless civil service* di mana penggunaan kertas dijangka akan dapat dikurangkan apabila semua Pekeliling, Arahan Pentadbiran dan maklumat yang berkaitan dengan pengurusan sumber manusia dapat dihebahkan dan dikongsi bersama melalui aplikasi *web-publishing* dan pengkalan ilmu (*knowledge base*).

9. Selain daripada itu, skop aplikasi HRMIS juga meliputi Sistem Maklumat Eksekutif (EIS) dan Sistem Membantu Membuat Keputusan (DSS). Melalui kedua-dua sistem ini adalah diharapkan pengurusan sumber manusia serta pembangunan perkhidmatan awam dapat dirancang dengan lebih sempurna. Ini kerana melalui kedua-dua sistem tersebut teknik-teknik seperti *data mining*, *forecasting* dan *simulation* boleh digunakan bagi menjana dan menilai beberapa senario atau alternatif sebelum dibuat sesuatu keputusan.

Tempoh Projek

10. Projek HRMIS ini akan dilaksanakan dalam **2 fasa**. **Fasa 1** melibatkan 10 buah agensi perintis, iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam, Unit SMPKE, MAMPU, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Kementerian Kesihatan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Ketua Menteri Sarawak. **Fasa 2** pula melibatkan *roll-out* kepada semua jabatan dan agensi Kerajaan yang lain, yang meliputi semua jenis perkhidmatan, iaitu Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Tempoh pembangunan dan pelaksanaan projek HRMIS ini dijangka mengambil masa 42 bulan.

Pengurusan Projek

11. Dari segi pengurusan projek HRMIS, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah dikenalpasti sebagai agensi pelaksana utamanya dan satu pasukan Projek HRMIS telah diwujudkan khusus bagi memastikan kejayaan pembangunan dan pelaksanaan projek ini oleh pihak MMCSB. Pasukan Pelaksanaan Projek HRMIS ini diketuai oleh seorang Pengarah Projek dengan dibantu oleh seorang Pengurus Projek dan beberapa Ketua Pasukan yang mengetuai pasukan-pasukan tertentu seperti BIP (*Business Improvement Process*), pembangunan sistem, instalasi, latihan, pemindahan teknologi, pengurusan perubahan serta operasi dan khidmat bantuan. Penglibatan anggota-anggota Pasukan Pelaksanaan Projek HRMIS ini adalah secara sepenuh masa dan mereka bertanggungjawab memastikan pembangunan HRMIS dikendalikan mengikut perancangan masa dan belanjawan yang diluluskan. Pasukan ini juga bertanggungjawab untuk memastikan pihak Kerajaan berupaya mengambilalih kerja-kerja penyenggaraan HRMIS setelah tamat projek kelak.

Penangguhan Pembangunan Sistem Pengurusan Sumber Manusia

12. Memandangkan kelebihan-kelebihan yang bakal diperolehi dari pelaksanaan Projek HRMIS serta skop pelaksanaannya yang akan melibatkan semua jenis perkhidmatan di dalam perkhidmatan awam, maka kerjasama Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dipohon supaya **tidak meneruskan sebarang usaha untuk membangunkan suatu Sistem Pengurusan Sumber Manusia yang baru atau yang sebagainya.** Ini adalah bagi mengelakkan sebarang pembaziran, memandangkan projek HRMIS sedang giat dalam pembangunannya. Pihak Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah juga dipohon supaya memberikan kerjasama yang sewajarnya apabila pasukan Projek HRMIS memulakan kerja-kerja pelaksanaan HRMIS di jabatan/agensi Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan apabila tiba masa untuk berbuat demikian, supaya matlamat pelaksanaan HRMIS akan tercapai dan seterusnya menjayakan projek Koridor Raya Multimedia.

Keterangan Lanjut

12. Sekiranya pihak Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan mempunyai sebarang kemusykilan atau ingin membuat pertanyaan berhubung perkara ini, sukacita dapat pihak Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan menghubungi Pejabat Projek HRMIS di Jabatan Perkhidmatan Awam di alamat seperti berikut:-

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia
Pejabat Projek HRMIS
Aras 2, Blok A
Kompleks JPA
Jalan Tun Ismail
50510 Kuala Lumpur

Tel. No : 03 - 2940627 (talian terus)
03 - 2995836

No. Fax : 03 - 2940689
03 - 2980397

E-mail : habibah@jpa.gov.my (Pengarah Projek)
zaharah@jpa.gov.my (Pengurus Projek)
abrahman@jpa.gov.my (Pejabat Pengurusan
Projek HRMIS)


EG HRMIS Newsflash : egflash@jpa.gov.my

12. Di atas kerjasama yang diberikan oleh pihak Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(TAN SRI DATO' SAMSUDIN BIN OSMAN)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

s.k.

Y.Bhg. Tan Sri Abdul Halim b. Ali
Ketua Setiausaha Negara
Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

Y.Bhg. Dato' Muhammad Rais b. Abdul Karim
Ketua Pengarah
MAMPU
Aras 6, Blok B2
Parcel B, Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya